

TAHAP KEPENTINGAN ISU-ISU ANTARA AGAMA DI MALAYSIA

Zaid Ahmad¹, Ahmad Tarmizi Talib², Nur Ayuni Mohd Isa,³ Sarjit S.Gill⁴, Jayum Jawan⁵,
Abd Hakim Mohad⁶

ABSTRAK

Terdapat beberapa kes di Malaysia yang melibatkan hubungan antara penganut dan berkait rapat dengan isu sensitiviti agama. Kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kepentingan isu yang menjadi tumpuan responden. Untuk tujuan itu, sebelas isu telah dikenalpasti dan dikemukakan kepada responden, iaitu isu penghinaan terhadap agama, isu hak penjagaan anak, isu tuntutan mayat, isu Malaysia negara Islam/sekular, isu tapak rumah ibadat, isu hudud, isu bidang kuasa mahkamah sivil dan mahkamah syariah, isu kalimah Allah, isu bible versi Bahasa Melayu, isu pertukaran agama dan isu penyebaran agama lain. Kajian ini menggunakan kaedah survei menerusi penggunaan soal selidik sebagai alat untuk mengumpulkan data. Lokasi kajian adalah di semua negeri di Malaysia. Kajian ini dijalankan terhadap responden yang berumur di antara 15 hingga 60 tahun. Seramai 1500 orang responden terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian mendapati bahawa kesemua isu yang disenaraikan dianggap sebagai penting oleh responden. Namun demikian, tahap kepentingan isu-isu tersebut berbeza. Perbezaan ini dapat dilihat jika dianalisis berdasarkan lokasi kajian di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Ternyata perbezaan demografi dan latar belakang masyarakat memberi kesan kepada pandangan mereka terhadap isu-isu yang membabitkan hubungan antara agama. Bagi masyarakat Semenanjung misalnya, isu yang penting pada pandangan mereka adalah tapak rumah ibadat, hak penjagaan anak, dan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Ini berbeza dengan Sarawak, di mana isu yang dilihat penting adalah penghinaan agama, bidang kuasa mahkamah dan hak penjagaan anak. Sementara di Sabah pula, penghinaan agama, kalimah Allah dan tapak rumah ibadat merupakan isu yang penting bagi mereka. Dapatan ini memberi gambaran bahawa beberapa isu yang membabitkan hubungan antara agama perlu diberi perhatian. Ini memandangkan isu-isu tersebut berpotensi memanaskan suhu hubungan antara agama dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Pengenalan

Masyarakat Malaysia merupakan sebuah masyarakat majmuk yang terdiri daripada berbilang agama, bangsa, bahasa dan budaya dengan keunikannya sendiri. Kemajmukan ini sekaligus menjadikan Malaysia sebuah negara yang multi-agama dengan keunikan tersendiri. Namun begitu, kemajmukan ini turut digariskan sebagai salah satu cabaran utama dalam misi menjayakan pembangunan negara ke arah mencapai status negara maju mengikut acuan sendiri menjelang tahun 2020. Situasi semasa yang berkaitan dengan aspek agama dan hubungan antara agama khususnya antara Islam dan bukan Islam dalam kalangan masyarakat Malaysia merupakan fenomena dalam perhubungan antara penganut agama sekarang. Beberapa permasalahan kajian telah dikenal pasti. Secara amnya kajian ini dijalankan bagi mengetahui tahap kepentingan isu agama kepada responden.

Tinjauan Literatur

Terdapat beberapa kes yang melibatkan hubungan antara penganut agama yang terjejas dan berkait rapat dengan isu sensitiviti agama. Antaranya adalah isu kalimah Allah. Mujahid Yusof Rawa (2013) melaporkan kronologi pertikaian penggunaan kalimah Allah bermula pada 16 Februari 2009 apabila Ketua Paderi Roman Katolik Kuala Lumpur, Tan Sri Murphy Pakiam memfailkan semakan kehakiman berhubung penggunaan kalimah Allah dalam penerbitan gereja itu serta menamakan Kementerian Dalam Negeri(KDN) dan kerajaan sebagai responden. Keadaan ini berlaku bila pihak gereja menggunakan kalimah Allah sebagai terjemahan untuk "God" bagi terjemahan Bible Bahasa Malaysia sahaja. Dengan ini, pihak gereja menuntut deklarasi bahawa keputusan Menteri Dalam Negeri ketika itu Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein pada 7 Januari 2009 berhubung larangan penggunaan kalimah Allah dalam "*The Herald*" tidak sah. Menurut gereja lagi, kalimah Allah bukanlah eksklusif kepada agama Islam sahaja. Namun kerajaan berhujah bahawa kalimah Allah hanya boleh digunakan secara eksklusif oleh orang Islam sahaja. Pada 31 Disember 2009, Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Lau Bee Lan memerintahkan bahawa keputusan menteri melarang penerbitan "*The Herald*" itu daripada menggunakan kalimah Allah menyalahi undang-undang, batal dan tidak sah. Kes ini berlarutan di mana pada Julai 2013, Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur memfailkan permohonan bagi membatalkan permohonan rayuan kerajaan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang tidak membenarkan penggunaan kalimah itu. Menurut beliau lagi, Mahkamah Rayuan menolak dan menetapkan pendengaran penuh rayuan pada 10 September lalu. Keputusan 10 September

untuk rayuan penuh ditangguh kepada 13 Oktober 2013. Keputusan rayuan pada 14 Oktober 2013 yang lalu menetapkan bahawa “*The Herald*” tidak boleh menggunakan kalimah Allah dalam penerbitannya. Sehubungan dengan isu ini berlaku ketegangan di antara umat Islam yang tidak berpuas hati terhadap tuntutan kumpulan Kristian di Malaysia.

Selain daripada itu, menurut, Azian Aziz (2009) terdapat isu pembinaan Kuil Hindu di Seksyen 23 Shah Alam yang telah menimbulkan kemarahan penduduk Melayu Islam di kawasan berkenaan. Kes ini bermula apabila penduduk di Seksyen 23 membantah cadangan pembinaan kuil di kawasan mereka yang majoritinya beragama Islam berbanding hanya 40 penganut Hindu. Menurut beliau lagi, ekoran tiada jaminan daripada kerajaan negeri untuk membatalkan cadangan itu, kira-kira 200 penduduk bertindak mengadakan perhimpunan selepas solat Jumaat bagi menyuarakan bantahan tersebut. Keadaan bagaimanapun bertukar kecoh serta menjadi kontroversi apabila ada kalangan mereka yang menyertai perhimpunan itu membawa kepala lembu ketika berarak ke bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK). Tindakan ini menimbulkan kemarahan penganut agama Hindu, mereka merasa terhina dengan tindakan tersebut. Kesan daripada masalah ini telah mengakibatkan hubungan penganut Islam dengan penganut India menjadi tegang. Menurut Syed Mu’az Syed Putra (2010) keputusan telah dibuat bahawa kuil tersebut akan dipindahkan ke Seksyen 23 dimana pembinaannya bukan di kawasan perumahan tapi akan dibina di kawasan perindustrian di Seksyen 23. Perkara ini dinyatakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi dan Inovasi, Negeri Selangor iaitu Y.B Puan Rodziah Ismail. Beliau berkata, keputusan itu dibuat selepas mengambil kira pandangan semua pihak termasuk pengurusan Kuil Sri Maha Mariaman. Pihak pengurusan kuil juga telah bersetuju dengan keputusan ini dan kita harap semua pihak termasuk penduduk di Seksyen 23 dapat menerima keputusan ini.

Rentetan daripada kes-kes di atas dan banyak lagi kes lain telah memperlihatkan hubungan antara agama yang kurang harmoni.

Dapatan Kajian

Jadual 1: Taburan Tahap Kepentingan Isu Agama Secara Keseluruhan

Sumber Data Kajian 2013/2014

Isu	Negeri					
	Semenanjung		Sabah		Sarawak	
	Tidak penting n (%)	Penting n (%)	Tidak penting n (%)	Penting n (%)	Tidak penting n (%)	Penting n (%)
Malaysia						
Negara Islam/Sekular	71 (14.2)	429 (85.8)	53 (10.6)	447 (89.4)	123(24.6)	377(75.4)
Hudud	61 (12.2)	439 (87.8)	124 (24.8)	376(75.2)	178 (35.6)	322(64.4)
Kalimah Allah Bible versi Bahasa Melayu (al-kitab)	80 (16.0)	420 (84.0)	59 (11.8)	441 (88.2)	129(25.8)	371(74.2)
Penyebaran agama lain	114 (38.5)	385 (77.0)	133(26.6)	367 (73.4)	177(35.4)	323(64.6)
Pertukaran agama	107 (21.4)	393 (78.6)	115(23)	385 (77)	147(29.4)	353(70.6)
Hak penjagaan anak	116 (23.2)	384 (76.8)	89 (17.8)	411 (82.2)	124(24.8)	376(75.2)
Tuntutan mayat	41 (8.2)	459 (91.8)	66 (13.2)	434 (86.8)	86(17.2)	414(82.8)
Bidang kuasa mahkamah	58 (11.6)	442 (88.4)	79 (15.8)	421 (84.2)	101(20.2)	399(79.8)
Penghinaan agama	48 (9.6)	452 (90.4)	86 (17.2)	414 (82.8)	86(17.2)	414(82.8)
Tapak rumah ibadat	52 (10.4)	448 (89.6)	46 (9.2)	454 (90.8)	65(13.0)	435(87.0)
	34 (6.8)	466 (93.2)	60 (12)	440 (88.0)	91(18.2)	409(81.8)

Jadual 1 menunjukkan tahap kepentingan isu-isu antara agama. Terdapat 11 isu yang telah dikenalpasti dalam penyelidikan ini. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua responden di Semenanjung, Sabah dan Sarawak menyatakan bahawa semua isu tersebut adalah penting. Bagi penganut agama di Semenanjung, majoriti responden menyatakan isu tapak rumah ibadat adalah penting iaitu 466 orang (93.2%) responden. Ini diikuti dengan isu hak penjagaan anak iaitu seramai 459 orang (91.8%) dan disusuli dengan isu bidang kuasa mahkamah iaitu seramai 452 responden (90.4%).

Di Sabah, majoriti responden iaitu seramai 454 orang (90.8%) menyatakan bahawa isu penghinaan agama adalah penting, diikuti dengan isu Malaysia Negara Islam/Sekular seramai 447 orang (89.4%) dan isu Kalimah Allah di mana 448 responden (88.2%) menyatakan ianya penting.

Di Sarawak pula, majoriti responden iaitu seramai 447 (88.7%) orang menganggap bahawa isu penghinaan agama adalah penting, diikuti dengan 435 orang (87%) menyatakan isu bidang kuasa mahkamah sebagai penting dan isu hak penjagaan anak di mana seramai 414 orang (82.8%) mengatakan bahawa isu tersebut adalah penting.

Jadual 2: Taburan Tahap Kepentingan Isu Agama Bagi Responden Beragama Islam

Isu	Negeri					
	Semenanjung		Sabah		Sarawak	
	Tidak penting n (%)	Penting n (%)	Tidak penting n (%)	Penting n (%)	Tidak penting n (%)	Penting n (%)
Isu Malaysia Negara Islam/Sekular	13 (4.8)	260 (95.2)	9 (2.8)	308 (97.2)	24(10.7)	200(89.3)
Isu Hudud	14 (5.1)	259 (94.9)	26(8.2)	291(91.8)	33(14.7)	191(85.3)
Isu Kalimah Allah	18 (6.6)	255 (93.4)	27(8.5)	290 (91.5)	34(15.2)	190(84.8)
Isu Bible versi Bahasa Melayu (al-kitab)	56 (20.5)	216 (79.1)	102(32.2)	215(67.8)	88(39.3)	136(60.7)
Isu Penyebaran agama lain	62 (22.7)	211 (77.3)	70(22.1)	247 (77.9)	59(26.3)	165(73.7)
Isu pertukaran agama	51 (18.7)	222 (81.3)	37 (11.7)	280 (88.3)	22(9.8)	202(90.2)
Isu hak penjagaan anak	14 (5.1)	259 (94.9)	18 (5.7)	299(94.3)	22(9.8)	202(90.2)
Isu tuntutan mayat	23 (8.4)	250 (91.6)	24 (7.6)	293 (92.4)	28(12.5)	196(87.5)
Isu bidang kuasa mahkamah	9 (3.3)	264 (96.7)	24 (7.6)	293 (92.4)	15(6.7)	209(93.3)
Isu penghinaan agama	20 (7.3)	253 (92.7)	10(5.4)	300 (94.6)	10(4.5)	214(95.5)
Isu tapak rumah ibadat	13 (4.8)	260 (95.2)	27 (8.5)	290(91.5)	28(12.5)	196(87.5)

Sumber Data Kajian 2013/2014

Jadual 2 di atas menunjukkan kepentingan isu agama bagi responden beragama Islam. Di Semenanjung, majoriti responden iaitu seramai 264 orang (96.7%) menyatakan bahawa isu bidang kuasa mahkamah adalah isu yang penting. Ini diikuti dengan isu Malaysia Negara Islam/ Sekular dan isu tapak rumah ibadah iaitu seramai 260 orang (95.2%) responden menganggap bahawa isu-isu ini adalah penting. Majoriti responden di Sarawak iaitu seramai 214 orang (95.5%) menyatakan bahawa Isu penghinaan agama adalah penting diikuti dengan isu bidang kuasa mahkamah dengan 209 orang (50.5%) disusuli dengan isu pertukaran agama dan hak penjagaan anak dengan 202 orang responden (90.2%). Di Sabah pula, majoriti responden iaitu seramai 308 orang (97.2%) menyatakan isu Malaysia negra islam/Sekular

sebagai penting. Ini diikuti dengan isu penghinaan agama di mana 300 orang responden (94.6%) menyatakan ianya penting dan isu hak penjagaan anak dengan 299 orang (94.3%) menyatakan ianya penting.

Jadual 3: Taburan Tahap Kepentingan Isu Agama Bagi Responden Beragama Buddha

Isu	Negeri					
	Semenanjung		Sabah		Sarawak	
	Tidak penting n (%)	Penting n (%)	Tidak penting n (%)	Penting n (%)	Tidak penting n (%)	Penting n (%)
Isu Malaysia						
Negara	13 (15.9)	69 (84.1)	6 (26.1)	17 (73.9)	16(44.4)	20(55.6)
Islam/Sekular						
Isu Hudud	15 (18.3)	67 (81.7)	14(60.9)	9 (39.1)	19(52.8)	17(47.2)
Isu Kalimah Allah	18 (22.0)	64 (78.0)	2(8.7)	21 (91.3)	18(50)	18(50)
Isu Bible versi Bahasa Melayu (al-kitab)	25 (30.5)	57 (69.5)	5(21.7)	18 (78.3)	20(55.6)	16(44.4)
Isu Penyebaran agama lain	16 (19.5)	66 (80.5)	7 (30.4)	16(69.6)	14(38.9)	22(61.1)
Isu pertukaran agama	26 (31.7)	56 (68.3)	8(34.8)	15(65.2)	14(38.9)	22(61.1)
Isu hak penjagaan anak	13 (15.9)	69 (84.1)	10 (43.5)	13(56.5)	12(33.3)	24(66.7)
Isu tuntutan mayat	13 (15.9)	69 (84.1)	12 (52.2)	11 (47.8)	12(33.3)	24(66.7)
Isu bidang kuasa mahkamah	11 (13.4)	71 (86.6)	6(26.1)	17(73.9)	12(33.3)	24(66.7)
Isu penghinaan agama	7 (8.5)	75 (91.5)	6(26.1)	17(73.9)	7(19.4)	29(80.6)
Isu tapak rumah ibadat	8 (9.8)	74 (90.2)	4 (17.4)	19(82.6)	12(33.3)	24(66.7)

Sumber Data Kajian 2013/2014

Jadual 2 di atas menunjukkan kepentingan isu agama bagi responden beragama Buddha. Di Semenanjung iaitu seramai 75 orang (91.5%) menganggap bahawa isu penghinaan agama adalah isu penting, begitu juga dengan majoriti responden di Sarawak iaitu seramai 29 orang (70.6%) menyatakan ianya isu yang penting. Manakala di Sabah pula, isu Kalimah Allah adalah isu yang dianggap penting oleh majoriti responden iaitu seramai 21 orang (91.3%) menyatakan ianya isu yang penting.

Jadual 3: Taburan Tahap Kepentingan Isu Agama Bagi Responden Beragama Kristian

Isu

	Semenanjung		Sabah		Sarawak	
	Tidak penting n (%)	Penting n (%)	Tidak penting n (%)	Penting n (%)	Tidak penting n (%)	Penting n (%)
Isu Malaysia Negara Islam/Sekular	16 (36.4)	28 (63.6)	38 (24.7)	116 (75.3)	75(33.3)	150(66.7)
Isu Hudud	12 (27.3)	32 (72.7)	81(52.6)	73 (47.4)	119(52.9)	106(47.1)
Isu Kalimah Allah	23 (52.3)	21 (47.7)	30 (19.5)	124(80.5)	69(30.7)	156(69.3)
Isu Bible versi Bahasa Melayu (al-kitab)	13 (29.5)	31 (70.5)	21(13.6)	133 (86.4)	62(27.6)	163(72.4)
Isu Penyebaran agama lain	10 (22.7)	34 (77.3)	36 (23.4)	118 (76.6)	69(30.7)	156(69.3)
Isu pertukaran agama	10 (22.7)	34 (77.3)	39(25.3)	115 (74.7)	83(36.9)	142(63.1)
Isu hak penjagaan anak	4 (9.1)	40 (90.9)	35(22.7)	119(77.3)	48(21.3)	177(78.7)
Isu tuntutan mayat	5 (11.4)	39 (88.6)	43(27.9)	111(72.1)	57(25.3)	168(74.7)
Isu bidang kuasa mahkamah	12 (27.3)	32 (72.7)	51(33.1)	103 (66.9)	55(24.4)	170(75.6)
Isu penghinaan agama	8 (18.2)	36 (81.8)	23(14.9)	131 (85.1)	42(18.7)	183(81.3)
Isu tapak rumah ibadat	1 (2.3)	43 (97.7)	29 (18.8)	125(81.2)	47(20.9)	178(79.1)

Sumber Data Kajian 2013/2014

Jadual 3 di atas menunjukkan tahap kepentingan isu agama bagi responden beragama Kristian. Di Semenanjung, majoriti responden iaitu seramai 43 orang (97.7%) menyatakan isu tapak rumah ibadat adalah isu yang penting. Ini diikuti dengan isu hak penjagaan anak dimana seramai 40 orang responden (90.9%) dan isu tuntutan mayat dengan 38 responden (90.9)% menyatakan ianya penting.

Di Sabah, dapatan kajian menunjukkan majoriti responden menyatakan bahawa isu Bible versi Bahasa Melayu (al-kitab) adalah isu penting dengan 133 orang (86.4%) menganggap ianya penting. Ini diikuti dengan isu penghinaan agama di mana 131 orang (85.1%) menyatakan ianya penting dan isu kalimah Allah dengan 124 orang responden (80.5%).

Di Sarawak pula, majoriti responden iaitu seramai 185 orang (84.5%) menyatakan isu penghinaan agama adalah isu penting. Ini diikuti dengan isu tapak rumah ibadah dengan 178 orang responden (43.5%) dan isu hak penjagaan anak dengan 177 orang responden (42.8%) menyatakan ianya penting.

Jadual 4: Taburan Tahap Kepentingan Isu Agama Bagi Responden Beragama Sikh

Isu	Negeri					
	Semenanjung		Sabah		Sarawak	
	Tidak penting n (%)	Penting n (%)	Tidak penting n (%)	Penting n (%)	Tidak penting n (%)	Penting n (%)
Isu Malaysia Negara Islam/Sekular	4 (23.5)	13 (76.5)	-	2 (100.0)	-	-
Isu Hudud	3 (17.6)	14 (82.4)	-	2 (100.0)	-	-
Isu Kalimah Allah	8 (47.1)	9 (52.9)	-	2 (100.0)	-	-
Isu Bible versi Bahasa Melayu (al-kitab)	-	17 (100.0)	2 (100.0)	-	-	-
Isu Penyebaran agama lain	1 (5.9)	16 (94.1)	2 (100.0)	-	-	-
Isu pertukaran agama	7 (41.2)	10 (58.8)	2 (100.0)	-	-	-
Isu hak penjagaan anak	5 (29.4)	12 (70.6)	-	2 (100.0)	-	-
Isu tuntutan mayat	5 (29.4)	12 (70.6)	-	2 (100.0)	-	-
Isu bidang kuasa mahkamah	5 (29.4)	12 (70.6)	2 (100.0)	-	-	-
Isu penghinaan agama	8 (47.1)	9 (52.9)	-	2 (100.0)	-	-
Isu tapak rumah ibadat	-	17 (100.0)	-	2 (100.0)	-	-

Sumber Data Kajian 2013/2014

Jadual 4 menunjukkan dapatan kajian bagi tahap kepentingan isu agama bagi responden beragama SIKH di Semenanjung dan Sabah. Kesemua responden iaitu seramai 17 orang (100%) menyatakan isu Bible versi Bahasa Melayu (al-kitab) dan isu tapak rumah ibadah adalah isu penting. Di Sabah pula kesemua responden beragama Sikh menganggap isu-isu Malaysia Negara Islam/Sekular, Hudud, Kalimah Allah, hak penjagaan anak, tuntutan mayat, tapak rumah ibadat dan penghinaan agama sebagai penting. Responden juga menganggap isu -isu Bible versi Bahasa Melayu (al-kitab), Penyebaran agama lain, pertukaran agama dan bidang kuasa mahkamah sebagai tidak penting.

Jadual 5: Taburan Tahap Kepentingan Isu Agama Bagi Responden Beragama Hindu

Isu	Negeri					
	Semenanjung		Sabah		Sarawak	
	Tidak penting	Penting n (%)	Tidak penting	Penting n (%)	Tidak penting	Penting n (%)

	n (%)		g n (%)		n (%)	
Isu Malaysia Negara Islam/Sekular	24 (32.9)	49 (67.1)	-	-	2(66.7)	1(33.3)
Isu Hudud	15 (20.5)	58 (79.5)	-	-	2(66.7)	1(33.3)
Isu Kalimah Allah	12 (16.4)	61 (83.6)	-	-	3(100)	-
Isu Bible versi Bahasa Melayu (al- kitab)	13 (17.8)	60 (82.2)	-	-	2(66.7)	1(33.3)
Isu Penyebaran agama lain	14 (19.20)	59 (80.8)	-	-	-	3(100)
Isu pertukaran agama	21 (28.8)	52 (71.2)	-	-	-	3(100)
Isu hak penjagaan anak	5 (6.8)	68 (93.2)	-	-	-	3(100)
Isu tuntutan mayat	11 (15.1)	62 (84.9)	-	-	-	3(100)
Isu bidang kuasa mahkamah	11 (15.1)	62 (84.9)	-	-	-	3(100)
Isu penghinaan agama	9 (12.3)	64 (87.7)	-	-	-	3(100)
Isu tapak rumah ibadat	11 (15.1)	62 (84.9)	-	-	-	3(100)

Sumber Data Kajian 2013/2014

Jadual 5 menunjukkan dapatan kajian bagi tahap kepentingan isu agama responden beragama Hindu di Semenanjung dan Sarawak. Majoriti responden menunjukkan seramai 68 orang (93.2%) menyatakan isu hak penjagaan anak sebagai penting diikuti dengan isu-isu tuntutan mayat, tapak rumah ibadat dan bidang kuasa mahkamah di mana seramai 62 orang responden (84.9%) menyatakan isu-isu tersebut adalah penting. Di Sarawak pula semua responden beragama Hindu iaitu seramai 3 orang (100%) menganggap isu-isu tapak rumah ibadat, pertukaran agama, hak penjagaan anak, tuntutan mayat, bidang kuasa mahkamah, penghinaan agama, penyebaran agama lain sebagai penting, manakala isu-isu Malaysia Negara Islam/Sekular, Hudud, Kalimah Allah dan Bible versi Bahasa Melayu (al-kitab) sebagai tidak penting.

Jadual 6: Taburan Tahap Kepentingan Isu Agama Bagi Responden Yang Menganut Kepercayaan Tradisional

Isu	Negeri					
	Semenanjung		Sabah		Sarawak	
	Tidak penting n (%)	Penting g n (%)	Tidak penting n (%)	Penting n (%)	Tidak penting n (%)	Penting n (%)

Isu Malaysia Negara Islam/Sekular	-	-	-	3(100)	4(50)	4(50)
Isu Hudud	-	-	3(100)	-	4(50)	4(50)
Isu Kalimah Allah	-	-	-	3(100)	4(50)	4(50)
Isu Bible versi Bahasa Melayu (al-kitab)	-	-	3(100)	-	4(50)	4(50)
Isu Penyebaran agama lain	-	-	-	3(100)	3(37.5)	5(62.5)
Isu pertukaran agama	-	-	3(100)	-	4(50)	4(50)
Isu hak penjagaan anak	-	-	3(100)	-	4(50)	4(50)
Isu tuntutan mayat	-	-	-	3(100)	4(50)	4(50)
Isu bidang kuasa mahkamah	-	-	3(100)	-	4(50)	4(50)
Isu penghinaan agama	-	-	-	3(100)	4(50)	4(50)
Isu tapak rumah ibadat	-	-	-	3(100)	4(50)	4(50)

Sumber Data Kajian 2013/2014

Jadual 6 menunjukkan dapatan kajian bagi tahap kepentingan isu agama bagi responden yang memegang kepercayaan tradisional. Di Sabah, kesemua responden iaitu seramai 3 orang (100%) menganggap isu-isu Malaysia Negara Islam/Sekular, Kalimah Allah, Penyebaran agama lain, tuntutan mayat, penghinaan agama dan tapak rumah ibadat sebagai penting. Manakala di Sarawak pula dapatan menunjukkan hampir kesemua isu dianggap penting oleh separuh bilangan responden iaitu seramai 4 orang (50%) kecuali isu penyebaran agama lain di mana kebanyakan responden iaitu seramai 5 orang (62.5%) menyatakan ianya penting.

Kesimpulan

Kajian ini juga cuba mengenalpasti apakah isu-isu utama yang boleh memberi kesan kepada hubungan penganut pelbagai agama. Tujuannya adalah untuk mendapatkan petunjuk apakah isu yang menjadi tumpuan responden dan dianggap penting kepada mereka. Untuk tujuan itu, sebelas isu telah dikenalpasti dan dikemukakan kepada responden. Kajian mendapati bahawa kesemua isu yang disenaraikan dianggap sebagai penting oleh responden.

Namun demikian, tahap kepentingan isu-isu tersebut berbeza. Perbezaan ini dapat dilihat jika dianalisis berdasarkan lokasi kajian di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Ternyata perbezaan demografi dan latar belakang masyarakat memberi kesan kepada pandangan mereka terhadap isu-isu yang membabitkan hubungan antara agama. Bagi masyarakat Semenanjung misalnya, isu yang penting pada pandangan mereka adalah tapak rumah ibadat, hak penjagaan anak,

dan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Ini berbeza dengan Sarawak, di mana isu yang dilihat penting adalah penghinaan agama, bidang kuasa mahkamah dan hak penjagaan anak. Sementara di Sabah pula, penghinaan agama, kalimah Allah dan tapak rumah ibadat merupakan isu yang penting bagi mereka.

Dapatan ini memberi gambaran bahawa beberapa isu yang membabitkan hubungan antara agama perlu diberi perhatian. Ini memandangkan isu-isu tersebut berpotensi memanaskan suhu hubungan antara agama dalam kalangan masyarakat Malaysia. Sebagai contoh, isu tapak rumah ibadat yang sering menjadi pertikaian bagi penganut agama tertentu dan ia merupakan isu lama yang masih dianggap penting pada waktu ini. Demikian juga isu hak penjagaan anak, di mana apabila berlaku pertukaran agama pada mana-mana pasangan, maka akan timbul pertikaian tentang siapa yang berhak ke atas penjagaan anak tersebut. Walaupun isu ini pada asalnya membabitkan satu keluarga, tetapi dengan penglibatan media dan pelbagai pihak berkepentingan, isu ini menjadi isu nasional dan secara langsung isu ini memanaskan suhu antara agama dalam kalangan pelbagai agama di Malaysia.

Rujukan

- Azian Aziz. (2009, September 3). Selesaikan isu kuil. *Utusan Malaysia*, Diambil daripada http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0903&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm. Diakses pada 16 Disember 2013.
- Azizul Osman. (2013, Januari 25). Amaran Kepada Penyebar Berita Palsu Bakar Bible – Hishammuddin. *ABN NEWS*, Diambil daripada <http://news.abnxc.com/bm/2013/01/amaran-kepada-penyebar-berita-palsu-bakar-bible-hishammuddin/>. Diakses pada 12 September 2013.
- Batunilal, S. (1989). Responses to Islamic resurgence in Malaysia: From a Christian Perspective. *Asian Journal of Theology*, Vol. 3, No. 1, 1–14.
- Berita Harian. (2013, Oktober 9). Penduduk Malaysia Kini 28.3 Juta. *Berita Harian*, diambil daripada http://www.bharian.com.my/bharian/articles/PendudukMalaysiakini28_3juta/Article/artikel. Diakses pada 16 Oktober 2013.
- Comber, L. (2001). *13 May 1969: A Historical Survey of Sino-Malay Relations*, Edisi Ke-2. Singapore: Graham Brash.
- Chandra Muzaffar. (2001). Globalisation and religion: Some reflection. Dalam J. A.

Camilleri (Editor.), *Religion and culture in Asia Pacific: Violence or Healing*, Melbourne: Vista Publication.

Fatimah Azzahra & Yusri Ab. Malik. (1995). *Wawasan 2020*. Petaling Jaya: Penerbit Setiamas.

Harian Metro. (7 Oktober 2010). Kampung Medan Perlu Pemantauan Setiap Hari. *Harian Metro*, Diambil daripada http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/KampungMedanperlupemantauansetiaphari//Article/index_html. Diakses pada 16 Disember 2012.

Ibrahim Abu Bakar. (2003). Beberapa cabaran utama kepada agama-agama di Malaysia. Dalam Jaffary Awang(Ed.), *Agama dan Perpaduan Etnik di Malaysia*, Bangi: Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jaffary Awang. (2003). Toleransi agama dan perpaduan etnik: Response intelek Malaysia–Satu observasi ringkas. Dalam Jaffary Awang(Editor.), *Agama dan Perpaduan Etnik diMalaysia*, Bangi: Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Diambil daripada <http://www.islam.gov.my/en>.

Diakses pada 16 Jun 2012.

Kamaruddin Muhamammad Said. (2002). Anomie, Etnisiti, Jarak Sosial, dan Jenayah Benci: Analisis Sosiologikal Peristiwa Pergaduhan Beramai-Ramai di Petaling Jaya Selatan. Dalam Lukman Z. Mohamad(Editor.),*Keluarga, gender dan cabaran sosial di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Khairulnizam Mat Karim, (2008, 29 Julai), Dialog antara Agama Mustahak. *Utusan Malaysia*. Diambil daripada: <http://www.utusan.com.my>. Diakses pada 6 November 2013.

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali dan Mohd Herzali Mohd Haled. 2008. *Toleransi Beragama dan Amalannya di Malaysia: Rujukan Kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia*. Jurnal Usuluddin, Bil 27 (2008) 81-92.

Koshy, S. (2007, May 30).Crucial Decision In Lina Joy Case. *The Star*.Diambil daripada: <http://www.thestar.com.my/story.aspx?file=%2f2007%2f5%2f30%2fnation%2f17874155&sec=nation>. Diakses pada 10 Januari 2014.

Krejcie, R V., & Morgon, D. W. (1970). Determining sample size for research activities *Educational and Psychological Measurement*, Vol.30, 607-610.

Mujahid Yusof Rawa. (2013, Oktober 23). Sang Aktor Pemimpin Isu 'Allah'. *Malaysiakini*, Diambil daripada <http://www.malaysiakini.com/news/244606>

MyMetro.(2014, April 12). Jemaah Jumaat Hotel Bajet. *MyMetro*, Diambil daripada

<http://www.hmetro.com.my/articles/2014041206030420140412060304/Article?mutakhir>. Diakses pada 8 Jun 2014.

- Nazri Muslim dan Ahmad Hidayat Buang. (2011). Islam dalam perlembagaan Persekutuan dari Perspektif Hubungan Etnik di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan Bil.20*, Vol. 29, No.1, 1.
- Newby G. D. (1996). Muslim/non-Muslim relations: Lesson from the past for a better future. Dalam Aidit Haji Ghazali (Editor.), *Development, Islamic, Malaysian and American Perspectives*, Kuala Lumpur: INMIND.
- Osman Bakar. (2006). Islam dan pengharmonian kehidupan beragama di Malaysia: *Seminar Islam dan Hubungan Antara Agama di Malaysia Peringkat Kebangsaan (18-19 Jan 2006 : Kuala Lumpur)*: Vol.1, No. 1. 8.
- Paul., T. C. I. (1993). Muslim-Christian Relations in Peninsular Malaysia. *Islamochristiana*: Vol.19, 125–151.
- Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). diambil daripada <http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?lang=bm>. Diakses pada 8 Jun 2014.
- Shamrahayu Abdul Aziz. (2011, Januari 18). Isu Azan, Arak Merugikan Hubungan Antara Agama. *Berita Harian*. Diambil daripada http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Isuazan_arakmerugikanhubunganantaraagama/Article. Diakses pada 16 Disember 2013.
- Syed Mu'az Syed Putra. (2010, Oktober 19). Isu Kuil Seksyen 23 Shah Alam, Kata Exco Selangor. *The Malaysian Insider*, Diambil daripada <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/isu-kuil-seksyen-23-shah-alam-selesai-kata-exco-selangor/>. Diakses pada 4 November 2013.
- Vaughan, J. D. (1974). *The Manners and Customs of the Chinese of the Straits Settlement*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Zulkifli Hasan. (2012). *Memahami Isu Islamofobia: Antara Persepsi dan Realiti*. Bengkel Kefahaman Islamofobia oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) di Dewan Hadhari, Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur pada 22 Mac 2012.